

PM: PDRM tak diarah berundur

U.M. - 7 MAY 1993

SUBANG 6 Mei — Kerajaan tidak akan mengarahkan pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang bertugas dengan pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk berundur dari pusat penempatan mereka walaupun menghadapi ancaman gerila Khmer Rouge, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Menurut beliau, Malaysia akan mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan oleh PBB sebelum mengambil sebarang tindakan termasuklah mengeluarkan anggota-anggota polis negara dari kawasan bertugas.

"Kita akan mengikut arahan PBB...tak perlu ikut tindakan negara lain," kata beliau ketika

ditemui di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang selepas mengadakan pemeriksaan menegut ke kedai-kedai bebas cukai yang baru di Terminal Satu lewat petang ini.

Tindakan

Dr. Mahathir berkata demikian sebagai mengulas tindakan Jepun yang mengarahkan anggota-anggota polisnya yang bertugas dengan pasukan PBB di Phnom Penh supaya berundur ke kawasan yang lebih selamat berikutan kematian salah seorang anggota polis dalam seraihan gerila Khmer Rouge baru-baru ini.

Sebaliknya, Perdana Menteri mencadangkan supaya PBB menyediakan peralatan yang lebih

lengkap termasuk baju kalis peluru kepada anggota-anggota berkenaan demi keselamatan mereka.

"Adalah baik PBB menyediakan baju kalis peluru kepada anggota pengaman," katanya.

Mengenai cadangan bekas Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen meminta PBB supaya menaingguhkan pilihan raya pada 23 Mei ini. Dr. Mahathir berpendapat, langkah itu tidak akan membawa sebarang perubahan di negara berkenaan.

Sementara itu, Menteri Luar, Dato' Abdullah Ahmad Badawi ketika ditemui selepas pulang dari menghadiri persidangan Pertubuhan Islam Antarabangsa (OIC) dan latihan rasmi ke Arab

Saudi juga melahirkan pandangan yang sama.

Kata beliau, PBB seharusnya menyediakan peralatan mempertahankan diri yang lengkap kepada anggota-anggota yang bertugas di Kemboja.

Keamanan

Menurut beliau, keamanan di Kemboja tidak dapat dipulihkan sekiranya anggota-anggota polis di bawah PBB yang ditugaskan tidak mempunyai peralatan lengkap.

"Anggota-anggota berkenaan ditugaskan untuk mengembalikan keamanan di Kemboja. Kalau tidak disediakan kemudahan yang cukup, ia tidak akan membawa sebarang makna.

"Sudah tentulah kawasan pertempuran tidak selamat tetapi ada cara lain untuk mengatasi masalah yang timbul," kata beliau.